


**POLIGAMI: KAJIAN TERHADAP PENERIMAAN WANITA MELAYU  
DI NEGERI TERENGGANU**



**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS DUNGUN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**DR HASAN BAHROM  
SAMSUDIN WAHAB**

**Januari 2005**

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Allah swt dengan izinNya kami telah berjaya menyiapkan penyelidikan ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sepanjang tempoh penyelidikan ini kami telah menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran namun dengan semangat dan keazaman yang kuat, kami dapat menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya. Penyelidikan ini berjaya disempurnakan hasil dari usaha, kerjasama dan mufakat di antara ahli dalam kumpulan penyelidik, pihak-pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan setinggi terima kasih kepada pihak Universiti Teknologi MARA, khususnya URDC yang telah memperuntukkan perbelanjaan dalam penyelidikan ini.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kehakiman Malaysia [Mahkamah Syariah] kerana telah membenarkan kami membuat penyelidikan ini. Rakaman terima kasih juga harus ditujukan kepada kakitangan Mahkamah Syariah Daerah Kuala Terengganu, Daerah Marang, Daerah Setiu, Daerah Kemaman, Daerah Besut, Daerah Ulu Terengganu dan Daerah Dungun kerana telah membantu secara bersungguh dalam kajian ini. Semoga kerjasama yang diberikan itu akan diberkati Allah swt.

## ABSTRAK

Isu poligami tidak pernah lekang dari diperbahaskan oleh masyarakat, sama ada di kalangan para suami, isteri, golongan ilmuan, golongan ulama, kaum remaja, malah dikalangan masyarakat bukan Islam. Isu poligami bukanlah isu baru diketengahkan dalam masyarakat malah ia selalu dibangkitkan kalau timbul sesuatu permasalahan. Dari aspek sejarah Rasulullah saw sendiri mengamalkan poligami malah baginda dibolehkan mengambil wanita sebagai isteri lebih daripada empat orang dalam satu masa. Malah ahli sejarah Islam seperti Ibn Hisyam pernah menukilkan dalam satu ketika Rasulullah saw pernah mempunyai isteri sembilan orang. Ulama telah membahaskan perkara tersebut dan memberi jawapan yang berautoriti untuk dipertanggungjawabkan kebenarannya. Dewan Undangan Negeri Terengganu tahun 2003 mencadangkan satu rang undang-undang untuk mempermudahkan lelaki berkahwin lebih daripada satu tidak perlu meminta kebenaran daripada isteri pertama. Isu tersebut dikeluarkan juga oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis hasil nasihat daripada Mufti Negeri.

Urutan daripada isu tersebut, timbul pula isu wanita berjawatan tinggi ramai yang tidak berkahwin. Walau bagaimanapun perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Keluarga, menunjukkan lelaki yang tidak berkahwin lebih ramai daripada wanita yang belum berkahwin, malahan jumlah penduduk lelaki di negara ini mengatasi jumlah penduduk wanita iaitu penduduk lelaki berjumlah 11,853,432 berbanding dengan wanita 11,421,258. Persoalannya mengapa timbul trend pemikiran ini dalam masyarakat Melayu ? apakah wanita menolak poligami atau sekadar memperingatkan kaum lelaki?, tetapi mengapa cara-cara mereka meluahkan perasaan dan pandangan dinilai oleh orang lain seolah menolak poligami ?. Mengapakah wanita amat *allergic* dengan isu poligami ?. persoalan inilah yang mendorong penyelidik untuk melakukan tinjauan secara lebih dekat mengapakan wanita melihat poligami sesuatu yang ‘menakutkan’ dan tidak pada sebaliknya, poligami itu sebagai satu jalan penyelesaian kepada sistem kekeluargaan dalam masyarakat Islam.

## DAFTAR KANDUNGAN

Surat Penyerahan	iv
Perakuan	v
Abstrak	vi
Penghargaan	vii
Daftar Kandungan	viii

### **BAB SATU**

#### **Latarbelakang Dan Metodologi Kajian Poligami: Kajian Terhadap Penerimaan Wanita Melayu Di Negeri Terengganu**

1. Pendahuluan	1
1.1 Penyataan masalah	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Kepentingan Kajian	4
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Definisi Terma	4
1.6 Kaedah Penyelidikan	6
1.6.1 Data sekundar	7
1.6.2 Data primer	8
1.6.3 Analisis Data	10
1.7 Andaian kajian	11

### **BAB DUA** **Ulasan Karya**

2.0 Pendahuluan	11
2.1 Perkahwinan dari sudut pandangan Islam	12
2.2 Hukum berpoligami	16
2.2.1 Pemikiran berpoligami	18
2.3 Undang-undang dan Prosedur Pelaksanaan berpoligami.	22
2.4 Statistik poligami di Negeri Terengganu dari 2001 – 2003	31

## **BAB TIGA**

### **Penemuan Kajian**

3.0 Pendahuluan	37
3.1 Latarbelakang Narator umur	39
3.1.1 Pendidikan Narator	40
3.1.2 Pekerjaan Narator	40
3.1.3 Pendapatan Narator	40
3.1.4 Jumlah Tanggungan Narator	41
3.1.5 Taraf Perkahwinan Narator	41
3.1.6 Jangkamasa Narator bermadu	42
3.2 Data kes	
3.2.0 Kes pertama	42
3.2.1 Kes Kedua	48
3.2.3 Kes ketiga	50
3.2.4 Kes keempat	54
3.2.5 Kes kelima	57
3.2.6 Kes keenam	60
3.2.7 Kes ketujuh	61
3.2.8. Kes kelapan	63
3.2.9 Kes Kesembilan.	68
3.3 ulasan	71

## **BAB EMPAT**

### **Tahap Kefahaman Dan Penerimaan Wanita Melayu Terengganu Terhadap Poligami**

4.0 Pendahuluan	73
4.1 Tahap kefahaman	73
4.2 Tahap Penerimaan Isteri Pertama	75
4.3 Tahap Penerimaan Isteri Kedua	78
4.4 Hubungan isteri pertama dengan isteri kedua	78
4.5 Hubungan Anak-Anak Dengan Bapa	80
4.6 Sikap masyarakat	81
4.7 Layanan suami dengan isteri pertama atau kedua	82
4.8 Penerimaan anak-anak terhadap bapa berpoligami	82
4.9 Tanggungjawab Suami	84

## **BAB LIMA**

### **Kesimpulan Dan Cadangan**

5.0 Pendahuluan	86
5.1 Kesimpulan	86
5.3 Cadangan	93
<b>Bibliografi</b>	<b>95</b>
<b>Lampiran</b>	<b>97</b>